

**Kerajaan Terima Petisyen Duti Anti-lambakan  
Bernama  
10 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Kerajaan telah menerima satu petisyen daripada pengeluar tempatan bagi mengenakan duti anti-lambakan ke atas pengimportan dawai pental, tali dan kabel, kata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Pemberi petisyen mendakwa dawai pental, tali dan kabel yang diimport dari Republik Rakyat China dibawa masuk ke Malaysia dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang dijual di pasaran domestik negara itu.

"Mereka mendakwa bahawa lambakan import telah menyebabkan kemudaran material kepada industri tempatan yang mengeluarkan produk yang sama di Malaysia," kata MITI dalam satu kenyataan hari Selasa.

Pempetisyen mendakwa bahawa import dari China telah meningkat dari segi jumlah kuantiti mutlak, kata kementerian itu.

Akibatnya, pempetisyen telah mengalami kemudaran material, antara lain, kebolehuntungan, kekangan harga, pengurangan jualan domestik, pengurangan syer pasaran, pulangan modal yang negatif, pengurangan bilangan pekerja dan ketidakupayaan menambah modal.

MITI berkata yang kerajaan telah menentukan bahawa terdapat bukti yang mencukupi bagi lambakan, kemudaran dan hubung kait di antara kedua-duanya.

"Oleh itu, kerajaan telah memutuskan untuk memulakan suatu penyiasatan awal ke atas import dawai pental, tali dan kabel dari Republik Rakyat China," katanya.

Sehubungan dengan siasatan ini, MITI telah menyediakan satu set soal selidik, yang mana pihak berkepentingan (pengimport, pengeluar asing, pengeksport dan persatuan) yang ingin mengemukakan maklumat berhubung produk-produk itu, boleh memohon mendapatkannya tidak lewat daripada 25 April, 2013.

"Pihak berkepentingan juga diminta memberi pandangan secara bertulis dengan mengisi borang soal selidik itu dan mengemukakan bukti berkaitan pada atau sebelum 13 Mei, 2013.

"Sekiranya maklumat yang mencukupi dan berkaitan tidak diterima dalam tempoh tarikh akhir yang ditetapkan, pihak kerajaan boleh membuat penentuan awal berdasarkan fakta yang sedia ada," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940792>